

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]**

TARIKH : SELASA, 8 APRIL 2014

RUJUKAN : L13 [PR-1321-L59880]

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan anggaran jumlah sisa pepejal yang akan dihasilkan di Kuala Lumpur pada setiap hari pada tahun 2020 mengikut Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, semasa ini, berdasarkan purata tahun 2013, jumlah sisa pepejal yang dihasilkan di Kuala Lumpur adalah **2,550 tan/hari**.

Berdasarkan kepada unjuran Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dianggarkan sejumlah 3,200 tan/hari sisa pepejal akan dijana di Kuala Lumpur pada tahun 2020 iaitu peningkatan pada kadar 3.0 – 3.5% tahunan.